

18/08/1997

Saham dijangka naik cepat

Mohd Shah Abdullah

KUB Malaysia Bhd (KUB) yang mula disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hari ini, yakin harga sahamnya akan mengalami kenaikan dalam jangka masa singkat, walaupun keadaan pasaran tidak menentu kebelakangan ini.

Bagaimanapun, Pengerusi Eksekutif KUB, Datuk Hassan Harun, berkata pihaknya tidak menaruh keyakinan tinggi harga saham KUB akan naik mendadak pada hari pertama urus niaganya.

Sambil menasihatkan pelabur KUB bersabar, beliau berkata, keadaan turun naik pasaran sekarang adalah fenomena biasa dan ia akan kembali pulih seperti sedia kala.

"Jika pengurus dana tempatan mengikut nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersedia membuat pelaburan dan bersaing untuk mengatasi pengurus dana asing, pasaran saham akan kembali teguh.

"Saya yakin saham KUB yang diapungkan esok akan teguh dalam tempoh singkat," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan ucap utama Seminar Patriotisme dan Kecemerlangan Pelajar Institut Teknologi Tun Abdul Razak (Ittar) di Kota Bharu, semalam.

KUB yang mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk disenaraikan di BSKL Oktober tahun lalu, bergiat cergas dalam sektor kewangan, teknologi maklumat dan telekomunikasi, hartanah, perdagangan, pekilangan serta perkhidmatan.

(END)